



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE UA, IPTA DAN MARA BPT BAGI LEPASAN SPM DIUMUM PADA 22 MEI 2026

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin memaklumkan bahawa keputusan permohonan melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan MARA Bahagian Pendidikan Tinggi (MARA BPT) peringkat Sijil, Asasi dan Diploma Sesi Akademik 2026/2027 bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan diumumkan pada **22 Mei 2026 (Jumaat)**.

Keputusan boleh disemak mulai **22 Mei 2026, jam 12.00 tengah hari hingga 31 Mei 2026, jam 5.00 petang** melalui platform seperti berikut:

- a) Secara atas talian melalui pautan, <https://upu.mohe.gov.my>.
- b) Melalui Aplikasi Mobile UPUPocket di telefon pintar.
- c) Melalui Aplikasi Mobile MyGov di telefon pintar.

Pengesahan setuju terima tawaran bermula pada **23 hingga 31 Mei 2026** di laman web UA, IPTA dan MARA BPT. Surat tawaran rasmi akan dikeluarkan UA, IPTA dan MARA BPT kepada yang berjaya mulai **23 Mei 2026** setelah calon membuat pengesahan setuju terima tawaran dalam tempoh yang dinyatakan.

Hanya pemohon yang **tidak berjaya** atau **mendapat tawaran pengajian peringkat sijil sahaja** boleh mengemukakan permohonan rayuan melalui UPUOnline® di <https://upu.mohe.gov.my> dalam tempoh **10 hari** mulai **22 Mei 2026, jam 12.00 tengah hari sehingga 31 Mei 2026, jam 5.00 petang**. Rayuan ke Kolej Komuniti (KK) boleh dimajukan terus ke institusi berkenaan tanpa melalui UPUOnline®.

Tawaran tempat bagi Sesi Akademik 2026/2027 adalah MUKTAMAD dan sebarang permohonan pertukaran program pengajian UA, IPTA dan MARA BPT **tidak dibenarkan**. Dasar pemilihan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat yang ditawarkan mengikut program pengajian selepas pendaftaran pelajar baharu selesai dilaksanakan.

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan UPUOnline® tersebut boleh dimajukan ke Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA secara terus di alamat berikut:-

**BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR IPTA
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 4, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Tel: 03-8684 2363
E-mel: upu@mohe.gov.my
Facebook & Instagram: BKPA UPU
TikTok: BKPAUPU**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
7 MEI 2026**